

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
(HULU LANGAT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kemungkinan kadar unjuran keuntungan yang boleh dicapai berdasarkan pelaburan saham KWSP dan Khazanah dalam negara luar (United States of America).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar keuntungan yang boleh dicapai oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam pelaburan saham di luar negara seperti Amerika Syarikat bergantung kepada pelbagai faktor. Pelaburan saham sendiri memberi pulangan dalam bentuk dividen apabila dipegang dan keuntungan modal

apabila dijual, bergantung kepada harga pasaran dan kos pegangan saham tersebut. Selain itu, untuk saham luar negara, keuntungan modal turut tertakluk kepada kadar tukaran mata wang asing antara Ringgit Malaysia dan mata wang negara tersebut.

Kadar dividen daripada saham yang dipegang adalah berbeza-beza bergantung kepada polisi dividen syarikat yang dilabur dan prestasi syarikat tersebut. Sebagai contoh, untuk syarikat di Amerika Syarikat di bawah indeks *Dow Jones Industrial Average*, kadar dividen terkini yang direkodkan adalah dalam julat 0.61% hingga 4.93%.

Selain itu, keuntungan modal yang boleh dijana pula akan bergantung kepada pergerakan harga saham syarikat tersebut. Untuk menganggarkan keuntungan modal ini, pergerakan indeks pasaran saham seperti *Dow Jones Industrial Average* boleh digunakan sebagai proksi kepada kadar pulangan dari keuntungan modal. Mengambil tempoh lima tahun yang kebelakang, *Dow Jones Industrial Average* telah merekodkan kadar pertumbuhan indeks tahunan pada julat -2.2% sehingga 26.5%.

Manakala, anggaran hasil daripada setiap pelaburan yang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), baik di luar

mahupun di dalam negara, ditetapkan berdasarkan rangka kerja pulangan yang dilaraskan berdasarkan risiko (*risk-adjusted return framework*). Berdasarkan kepada panduan ini, semua pelaburan Khazanah, termasuk pelaburannya di luar negara dan di Amerika Syarikat secara khususnya, mempunyai sasaran pulangan minimum 15%.